



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Najīb dan Soal Berbilang Isteri

‘Umar Yūsuf, Pasir Panjang Singapura bertanya: Menurut berita yang tersiar di dalam akhbar baru-baru ini “bahawa jawatankuasa yang dilantik oleh Jeneral Najīb, Perdana Menteri Mesir telah memutuskan: Tidak seorang pun penduduk akan dibenarkan mempunyai lebih daripada seorang isteri dengan tidak kebenaran istimewa lebih dahulu.” Adakah keputusan ini berlaga dengan hukum yang telah ditetapkan oleh Islam?

Jawab: Lebih lanjut hendaklah diketahui bahawa gerakan yang sedang dilakukan oleh Presiden Muhammad Najīb di Mesir pada ini bukanlah suatu gerakan yang berdasar Islam (Ḥarakah Islāmiyyah) malahan suatu “Ḥarakah al-Ṣalāhiyyah” iaitu gerakan memperbaiki apa yang telah dirosakkan oleh pemerintahan Farouk dahulu.

Gerakan Najīb tersebut walaupun dalam peringkatnya yang pertama ini tidak berdasar Islam seratus peratus sebagaimana yang sepatutnya, tetapi dunia Islam masih mempunyai kepercayaan penuh bahawa Najīb dengan bijaksana akan memimpin kerajaannya setapak demi setapak ke arah pemerintahan yang berdasar Islam dengan sepenuhnya, ke arah sebuah negara Islam.

Berkenaan tindakan kerajaan yang dipimpin oleh Najīb mengharamkan cara berbilang isteri sebagaimana yang tersebar beritanya baru-baru ini, jika difikirkan dengan teliti tidaklah terpelencong daripada ketetapan Islam, kerana perintah najīb itu masih ada kecualinya yakni tidak mengharamkannya langsung.

Walhal Islam sendiri sebagaimana yang terbentang di dalam

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

kitab suci al-Quran al-Karim sungguhpun dibenarkan berbilang isteri tetapi adalah dengan syarat yang ketat iaitulah keadilan. Sedang berbuat adil dengan sepenuhnya adalah suatu perkara yang sukar sekali.

Di dalam al-Quran, surah al-Nisā’ ayat 3, hal ini telah diterangkan oleh Tuhan Azza wa Jalla dengan jelasnya:

“Wa in khiftum alla tuqsitū fī al-yatāmā fankihū mā tāba lakum mina al-nisā’i mathnā wa thulātha wa rubā’, fa in khiftum alla ta’dilwa thulātha wa rubā’, fain khiftum allā ta’dilū fawāḥidah...”

Ertinya: “Jika kamu takut, yang kamu tidak akan berlaku adil kepada anak-anak yatim iaitu, maka kahwinlah kamu akan perempuan yang dipandang baik bagi kamu: Dua, tiga dan empat orang, tetapi jika kamu takut bahawa kamu tiada akan berlaku adil, maka kahwinlah seorang sahaja..”

Huraian masalah berbilang isteri yang lebih lanjut ada tertulis di dalam buku “Aishah” keluaran Qalam (cetak yang kedua) penggal kedua, muka 179, seperti yang diperturunkan di bawah ini:

“Ada lagi satu soal yang sudah tentu tak dapati ada akan terlintas di hati kita iaitu soal berbilang isteri.

Adakah cara itu satu perbuatan yang adil? Adakah terbitnya daripada perasaan yang mulia dan baik? Adakah ia perbuatan tabi‘t dan ada tertib kemanusiaan?

“Islam tidak mengatakan cara berbilang isteri itu satu cara yang baik sekali, dan tidak pula diwajibkan di atas tiap-tiap seorang Muslim. Tidak membiarkannya dengan

begitu sahaja malahan telah meletakkan satu syarat yang bukan mudah bagi seseorang menunaikannya iaitu “keadilan” di dalam muamalah, walaupun tidak dapat menunaikan keadilan itu di dalam perasaan cinta kasih yang ditumpahkan kepada seseorang isteri dengan berlebihan daripada isteri yang seorang lagi.

“Tidak ada satu fahaman baru yang timbul kemudian daripad a kedatangan Islam yang wajib hendak menyelesaikan soal ini melainkan dia (fahaman itu) itu telah meleraikan diri, atau pun cuba mengelirukan sahaja, seperti keadaan yang boleh dilihat dengan nyata, iaitu keadaan umat-umat yang pandai sahaja mencelah cara berbilang isteri tetapui tidak pula mereka teringat mencelakan cara berbilang-bilang perempuan simpanan?”

“Dalam masyarakat manusia dari semasa ke semasa pernah terjadilebih bilangan kaum perempuan daripada kaum lelaki tetapi uma-umay yang menganggap dirinya bertamadun tinggi lalu mencela berbilang-bilang isteri-tidak pula mereka dapat menahan kejadian-kejadian buruk yang telah menyebabkan kaum perempuan melebihi kaum lelaki, kerana masih kedapatan pada tiap-tiap kurun terjadi peperangan besar yang berkesudahan dengan wujudnya kita-kira tiga puluh atau empat puluh juta perempuan-perempuan dan janda-janda yang tidak mempunyai pasangannya daripada kaum lelaki.”

Kesimpulannya, Islam membenarkan berbilang isteri adalah dengan syarat iaitulah “keadilan” yang bukan mudah seseorang itu menunaikannya. Selain daripada lain-lain syarat seperti kesanggupan dan kemampuan seorang suami menanggung isterinya yang dua, tiga atau empat, itu pun setelah ada pula sebab-sebab yang mendesaknya berbilang isteri seperti hendak mencari anak-kerana isterinya yang pertama mansul-atau kerana hendak menyelamatkan perempuan yang akan dijadikan isteri kedua dan seterusnya itu daripada tercebur ke dalam jurang yang hina atau daripada terlantar dan sebagainya.

Minyak Wangi

Silaiman bin ‘Abdulsalām, Bentong Pahang bertanya: betulkah

minyak wangi yang bercampur dengan alkohol itu dilarang oleh syarak memakainya apalagi kalau dibawa sembahyang?

Jawab: Tidak ada keterangan daripada al-Quran, hadis dan sahabat-sahabat Nabi yang menyatakan alkohol (pati arak) itu najis, atau arak itu najis. Yang ditegaskan ialah arak itu haram diminum, haram dijual, haram dibeli dan seterusnya.

Ada tak ada, di dalam kitab-kitab fiqh yang disusun dan dihuraikan oleh ulama muta’akhirin (ulama yang berada dalam zaman sesudah kurun yang ketiga atau keempat) ada dikatakan arak itu najis, dan kalau kena pada badan atau pakaian wajib dicuci. Sebenarnya ini ialah faham ulama yang tersebut. Bukannya hukum agama yang mempunyai nas yang tegas.

Oleh itu minyak wangi walaupun yang bercampur alkohol (pati arak) tidak najis dan boleh dipakai dan dibawa sembahyang.

Bacalah!

Sejarah Khalifah Islam yang Terbilang

‘Uthmān Ibnu ‘Affān

oleh

‘Abdullāh Basmeh

2 Penggal Tamat

Sepenggal \$1.20

Sila Pesan Kepada:

QALAM PRESS LIMITED.

P. O. Box, Singapore 14.
